

# Wanita sasar ke separuh akhir

>>Oleh Aida Adilah Mat

aida@hmetro.com.my

**S**KUAD hoki wanita negara di bawah bimbingan Yahya Atan meletakkan sasaran untuk mara ke separuh akhir dan menjadi antara empat pasukan terbaik dalam saingen kejohanan Cabaran Juara II yang berlangsung di Kazan, Russia.

Malaysia turun mengibarkan cabaran menentang pasukan Ukraine yang menduduki tempat ke-18 dunia sebelum bertemu tuan rumah Russia.

Bagaimanapun, skuad negara gagal mengkekang serangan bertali arus pasukan Ukraine apabila tewas 2-1 biarpun mendahului skuad lawan pada minit ke-14 menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan Nadia Abdul Rahman.

Namun kedudukan itu tidak bertahan lama apabila lawan berjaya menyumbat gol penyamaan selepas itu, sebelum menjaringkan gol kemenangan pada separuh masa kedua.

Setiausaha Kehormat Persatuan Hoki Wanita Malay-



**TONGGAK...**  
Nadia jaringkan gol pada pertemuan dengan Ukraine menerusi pukulan sudut penalti.

sia (PHWM), Dr S Shamala berkata, pemain negara memberikan saingen yang cukup sengit sebelum menyerah kalah dan hasrat skuad negara untuk mara ke

separuh akhir masih terbuka.

Katanya sasaran diletakkan itu adalah sesuatu yang realistik berdasarkan persiapan dilakukan pemain negara.

"Semua pemain sudah bersiap sedia sejak penghujung tahun lalu lagi kerana menganggap kejohanan berkenaan sebagai satu kejohanan penting untuk meningkatkan ranking yang kini di tangga 24 dunia. Kekalahan pertama pasti tidak akan melemahkan semangat pemain dan saya pasti mereka akan terus berusaha mencari kemenangan."

"Memang harapan pada kejohanan ini begitu tinggi kerana saya mahu memastikan ruang buat pasukan negara mengutip mata untuk mara dan beraksi ke Kejohanan Dunia lebih cerah nanti."

"Andai sasaran yang diletakkan itu berjaya direalisasikan mungkin mereka boleh memikirkan langkah seterusnya seperti Kejohanan Cabaran I pula nanti," katanya.

Malaysia diletakkan dalam Kumpulan B bersama Ireland yang menduduki ranking ke-15 dunia, Russia (23) dan Ukraine (18).

Kumpulan A membabitkan Belarus (26), Belgium (20), Kanada (19) dan India (14).